

# **Universiti tempatan kena ambil pengajar luar: PM**

Pengambilan tenaga akademik antarabangsa bantu pembangunan

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi meminta universiti tempatan mengambil tenaga akademik terkemuka dari negara lain menerusi pengambilan antarabangsa, secara kontrak jika tindakan itu boleh membantu pembangunan bidang, pengajian atau penyelidikan tertentu.

Menerusi cara itu, Perdana Menteri berkata, tenaga akademik boleh diambil daripada mana-mana negara termasuk Eropah, Asia Timur atau Amerika.

“Jika ada yang betul-betul boleh membantu pembangunan bidang tertentu, pengajian atau penyelidikan tertentu, saya percaya mereka boleh dilantik secara kontrak.

“Kita tak perlu berasa teragak-agak dalam hal ini, di samping terus membina kumpulan akademik kita, profesor dan pensyarah yang mesti dikeluarkan, tetapi ada baiknya kita ada pengambilan antarabangsa,” katanya pada sidang media selepas berucap pada majlis Hari Alumni Universiti Malaya (UM) ‘Balik Kampus 2008’ di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika ditanya langkah yang perlu diambil oleh universiti tempatan, termasuk UM untuk meningkatkan senarai kedudukan pada peringkat dunia. UM yang pernah berada dalam kedudukan 100 universiti terbaik dunia, bagaimanapun menduduki tempat ke-169 pada 2005, 192 (2006) dan 246 (2007).

Hadir sama Datin Seri Jeanne Abdullah; Yang di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaacob; Pro-Canselor UM, Toh Puan Dr Aishah Ong; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan Naib Canselor UM, Datuk Rafiah Salim.

Abdullah yang juga siswazah UM pada 1964, turut melancarkan buku *The Calling of Pantai Valley* terbitan Persatuan Alumni Universiti Malaya.

Beliau berkata, universiti juga mesti memberi perhatian terhadap bidang penyelidikan dan pembangu-



**AMBIL BERAT:** Abdullah melihat tangan angkasawan kedua negara, Mejar Dr Faiz Khaleed yang cedera ditetak perompak sambil diperhatikan Mustapa, Rafiah dan Presiden Persatuan Alumni UM, Datuk Nordin Razak (dua dari kanan) pada majlis Hari Alumni UM ‘Balik Kampus 2008’ di Kuala Lumpur, semalam.

**“***Menuntut ilmu tidak ada sempadan untuk menuntut ilmu boleh pergi ke mana saja... dapatkan ilmu yang berguna untuk anda dan negara lain”*

**Abdullah Ahmad Badawi**  
Perdana Menteri

nan (R&D) dengan tidak menumpukan kepada satu-satu bidang saja.

Katanya, hubungan kerjasama dalam program berkembar dengan universiti luar negara boleh diwujudkan untuk membolehkan pelajar luar menuntut di negara ini, manakala pelajar negara ini pula boleh meneruskan pengajian di negara lain.

“Menuntut ilmu tidak ada sempadan untuk menuntut ilmu boleh pergi ke mana saja... dapatkan ilmu yang berguna untuk anda dan negara,” katanya.

Ketika berucap, Perdana Menteri berkata, universiti negara ini, termasuk UM sebagai universiti pertama ditubuhkan, tidak mempunyai pilihan, selain menambah nilai ke-

pada kejayaan yang dicapai.

Katanya, UM mesti membuat lonjakan daripada kedudukan yang ada ke tahap lebih tinggi dan selepas itu terus lagi membuat lonjakan daripada tahap kedudukan yang dicapai kepada yang lebih tinggi

“Usaha ini bukan suatu yang mudah, tetapi memerlukan banyak usaha,” katanya.

Beliau berkata, universiti negara ini berada pada kedudukan yang mampu memperkasakan bangsa dan melahirkan modal insan berkualiti, menerusi sistem pendidikan yang dilaksanakan seperti Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP) dan Pelan Strategik Pengajian Tinggi mampu melonjakkan taraf bidang pendidikan negara.